

PERLAKSANAAN PEMBINAAN MAMPAN DI DALAM INDUSTRI BINAAN

CHAI WAI CHUN

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Sains Pembinaan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2010

ABSTRAK

Pembinaan mampan dikatakan sebagai satu pendekatan dan pengurusan yang bertanggungjawab untuk mencapai pembinaan yang sihat dan sejahtera. Selain itu, pembinaan mampan semakin popular diguna pakai sebagai integrasi di dalam perancangan dan pengurusan ekonomi, sosial dan alam sekitar. Walau bagaimanapun, konsep kemampanan masih baru untuk para kontraktor negara kita. Justeru itu, tercetuslah objektif kajian yang berdasarkan untuk mengenalpasti tahap pelaksanaan pembinaan mampan dan halangan-halangan pelaksanaan pembinaan mampan. Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan tahap pelaksanaan dalam aspek-aspek pembinaan mampan yang dikaji dan halangan-halangan pelaksanaan. Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan, borang soal selidik telah digunakan sebagai kaedah pengumpulan data. Jenis soalan-soalan yang diutarakan dalam borang tersebut adalah berbentuk analisis kekerapan, skala *Likert*, dan purata min. Kajian ini tertumpu ke atas firma-firma kontraktor yang berdaftar dengan CIDB (Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia) di bawah kontraktor kelas G7, G6 dan G5 di sekitar Kuala Lumpur dan negeri Johor. Hasil kajian ini boleh disimpulkan bahawa mengumpulkan sisa pembinaan di tempat yang ditetapkan di tapak bina dan menjaga kebersihan di persekitaran tapak bina merupakan aspek-aspek pelaksanaan paling kerap. Manakala, kekurangan kesedaran pada kemampanan dan kekurangan professional merupakan halangan-halangan utama untuk para kontraktor melaksanakan pembinaan mampan. Maka hasil penyelidikan ini diharapkan dapat menjadi satu panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam industri binaan. Kesimpulannya, pihak kontraktor harus sentiasa memberi perhatian dengan konsep kemampanan agar mendapat membawa kesejahteraan kepada manusia sejagat.

ABSTRACT

Sustainable construction is a way of creation and responsible management for achieving healthy built environment. Besides that, sustainable construction becomes popular as integration of planning and management for economic, social and environment. However, the concept of sustainability is a new thing for contractors in our country. Hence, the objective of the research is to identify the level of implementation of sustainable construction and the implementation barriers of it. The purpose of this study is to determine level of implementation in sustainable construction aspect and implementation barriers of sustainable construction. To achieve the research objective, questionnaire is used as the data collection instrument. Types of question had been asked in questionnaire is in form of Frequency Statistic Method, Likert Scale and mean average. This research only focuses on the groups of respondent that are limited to CIDB (*Construction Industry Development Board*) Class G7, G6 and G5 contractors registered in Kuala Lumpur and Johor. The finding of the study showed that construction waste is collected on the place had been specified on site and concern to environment hygiene issues on site are the most implementation aspects. Meanwhile, lack of awareness on sustainability and lack of professional are the main barriers for contractor to implement sustainable construction. Hopefully the outcome of this research will serve as the guideline to all parties involved in construction industry. In conclusion, contractors should always show concern to the concepts of sustainability in order to bring prosperity to all mankind.